

03 APR 2002

Keganasan-Palestin

M'SIA TERUS PERJUANG ISU PALESTIN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Malaysia akan terus memainkan peranan untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin di peringkat antarabangsa termasuk menerusi interaksi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan para pemimpin dunia.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia masih dilihat oleh masyarakat Islam dan Palestin sendiri sebagai sebuah negara penting dalam memperjuangkan suara Palestin di kalangan dunia Barat.

"Saya percaya Dr Mahathir, dengan pendiriannya yang terbuka dan cara percakapannya yang tidak berselindung akan terus menyuarakan pendirian OIC dan juga Palestin sendiri," katanya kepada pemberita selepas menutup Sesi Khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai Keganasan di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir sebenarnya telah memulakan proses itu ketika berkunjung ke beberapa buah negara baru-baru ini.

"Dr Mahathir telah memulakan proses ini dan semasa beliau berjumpa dengan Presiden (George W.) Bush di Shanghai, beliau menyatakan Amerika Syarikat perlu memainkan peranan untuk menentukan perdamaian dapat dicapai di Palestin," katanya.

Ketika melawat Rusia, Jerman dan Poland bulan lepas, Perdana Menteri turut menyampaikan mesej bahawa isu Palestin perlu diselesaikan termasuk mengambil tindakan bagi menghentikan Israel daripada menduduki wilayah Palestin.

Menurut beliau, ini kerana dunia tidak boleh membiarkan pembunuhan berterusan rakyat Palestin oleh tentera Israel.

Syed Hamid turut mempertikaikan tindakan Israel cuba mengetepikan kepimpinan Presiden Yasser Arafat dengan adanya laporan mengenai cadangan Israel untuk membuang negara pemimpin Palestin itu.

"Apakah hak Israel untuk membuat keputusan sedemikian dalam wilayah Palestin," tanya beliau.

Arafat kini dikepung oleh tentera rejim Yahudi di ibu pejabatnya di Ramallah dan laporan menyebut usaha membebaskannya oleh sebuah skuad berani mati Palestin menemui kegagalan.

-- BERNAMA

MAM ZS PR